

RABU • 11.02.2015

HELLO KAMPUS



SELATAN



MUSA AHMAD (depan, lima dari kiri) bersama kakitangan USIM selepas menyampaikan amanat dalam Majlis Amanat Tahun Baharu 2015 di Nilai, Seremban, Negeri Sembilan, baru-baru ini.

Cipta pelbagai kejayaan sebagai antara institusi pengajian tinggi terbaik tahun lalu - Musa

Prestasi USIM membanggakan

Oleh AINOL AMRIZ ISMAIL

utusanN9@utusan.com.my

■ SEREMBAN 10 FEB.

UNIVERSITI Sains Islam Malaysia (USIM) Nilai mencipta pelbagai kejayaan pada tahun lalu, sekali gus meletakkan institusi pengajian ini sebagai antara terbaik dalam negara.

Naib Canselor USIM, Prof. Datuk Musa Ahmad berkata, antara yang dibanggakan ialah pemberian status autonomi oleh Kementerian Pendidikan dalam satu majlis yang disampaikan Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yasin, baru-baru ini.

"Status itu memberi ruang kepada USIM untuk bergerak ke hadapan dengan lebih terbuka dan



seterusnya memacu *niche* yang telah digagaskan secara progresif," katanya dalam majlis Amanat Tahun Baharu 2015 di Nilai, dekat sini baru-baru ini.

Katanya, Pusat Perancangan Korporat dan Pengurusan Kualiti (PPKPK) akan mengambil langkah proaktif untuk memberi pencerahan berkenaan status autonomi itu kepada semua warga USIM bagi memasti-

kan perancangan rapi dibuat segera.

Selain itu, tambah beliau, USIM untuk kali keduanya telah memperoleh penarafan Tier 5 dalam Sistem Penarafan Institusi Pengajian Tinggi Malaysia 2013 (SETARA'13) oleh Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) pada 17 November tahun lalu.

"Memperoleh Tier 5 (pencapaian tertinggi adalah Tier 6) meletakkan USIM pada kedudukan cemerlang antara 53 universiti dan kolej universiti yang dinilai," katanya.

Musa berkata, Jabatan Bendahari USIM juga boleh dibanggakan kepada diberikan Anugerah Kecemerlangan Pengurusan Kewangan Berdasarkan Indeks Akauntabiliti tahun 2011 dan 2013 dengan memperoleh prestasi cemerlang 4 bintang.

"Tahniah juga kepada Pusat Akses Pembelajaran Terbuka Global

atau *GOAL Center* kerana pada usia masih muda telah menunjukkan kejayaan memberangsangkan apabila merangkul satu pingat emas, dua pingat perak dan satu pingat gangsa di National University Carnival for e-Learning (NUCeL) 2014," katanya.

Dalam pada itu, katanya, beberapa tokoh pendidik juga diberi pengiktirafan, antaranya Pensyarah Kanan di Fakulti Syariah dan Undang-Undang (FSU) USIM, Dr. Zulkifli Hasan yang menjadi calon tunggal negara sebagai Sarjana Pelawat Fulbright US-ASEAN yang mendapat tajaan Jabatan Negara Amerika Syarikat.

"Nama USIM juga harum di Rusia apabila pensyarah kanan daripada Fakulti Syariah dan Undang-undang, Dr. Mohd. Hazmi Mohd. Rusli dijemput untuk menjadi Profesor Pelawat di Far Eastern Federal Uni-

versity, Vladivostok, Rusia kerana kepakaran akademik beliau dalam bidang undang-undang laut antarabangsa," katanya.

Beliau juga mengucapkan tahniah kepada Timbalan Dekan Fakulti Sains dan Teknologi USIM, Prof. Dr Norita Md. Norawi yang dilantik sebagai Profesor Pelawat di Faculty of Computer Engineering, Taskent University of Technology, Samarkand, Uzbekistan tahun lalu.

"Pelajar USIM turut cemerlang dalam pelbagai acara dalam negara dan antarabangsa," katanya.

Mengenai pengiktirafan inovasi pula, USIM berjaya cemerlang di arena *British Invention Show (BIS)*, London selepas pelajarinya merangkul dua pingat emas menerusi produk *Novel Green Active Nanofiltration GANF* yang berfungsi seba-

gai komponen penapis untuk kegunaan industri tekstil.

"Pelajar juga mendapat pingat perak bagi produk *Crushy Energy Bar* iaitu pemakanan tinggi serat menggantikan makanan ringan dan cukup kecil untuk dimasukkan ke dalam poket," katanya.

Dalam konteks kerjasama dengan kerajaan negeri dan Majlis Agama Islam Negeri Sembilan (MAINS) pula, Musa berkata, pada tahun ini, Klinik Pakar USIM akan mula beroperasi di Nilai.

"Klinik pakar ini akan menawarkan perkhidmatan pakar perubatan, pergigian dan rawatan pesakit luar yang dikendalikan oleh khidmat profesional termasuk doktor pakar Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan dan Fakulti Pergigian USIM," katanya.